

Semai budaya ilmu dan akhlak cemerlang



MINDA PENDIDIK

ABDUL SAID AMBOTANG

Bersama

Mohd Yusof Abdullah, Baharom Mohamad, Shukri Zain, Muhamad Suhaimi Taat dan Roslee Talip

UB 29.02.2012 B4

SABAN tahun 'isu kecemerlangan menjadi topik hangat yang terus diperkatakan di sana sini. Hampir keseluruhan komuniti sekolah sama ada guru, pelajar mahupun ibu bapa mengatur pelbagai agenda dan strategi untuk merealisasikan kecemerlangan dalam pelbagai aspek yang diimpikan.

Di sekolah guru besar atau pengetua merupakan nadi kepada langkah-langkah ke arah kecemerlangan yang dicanang dibantu oleh guru dan kakitangan sekolah yang komited. Namun inilah rutin biasa yang mereka perlu tempuhi demi membina generasi cemerlang pada masa akan datang.

Dalam usaha membina insan cemerlang, hendaklah disepadukan antara ilmu pengetahuan dan pendidikan atau dikenali dengan kesepaduan ilmu serta tarbiah untuk melahirkan insan soleh. Dalam proses ini pihak kerajaan, pihak sekolah dan ibu bapa mestilah saling bekerjasama dan mengambil tanggungjawab sebaik mungkin.

Firman Allah SWT yang bermaksud: "Wahai orang yang beriman, Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api neraka yang bahan bakarannya manusia dan batu, penjaganya malaikat yang keras kasar; tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan." (Surah At-Tahrim, Ayat: 6)

Walaupun ada kalanya, berlaku ketegangan antara guru dan ibu bapa, sebagai langkah positif ibu bapa perlu memberi penghormatan besar kepada guru untuk membimbing dan mendisiplinkan pelajar mereka. Ibu bapa tidak boleh menyerah bulat-bulat kepada pihak sekolah dan guru semata-mata dalam menentukan kejayaan dan kecemerlangan anak. Ibu bapa adalah asas menentukan dasar pembinaan akhlak, jati diri dan kecemerlangan anak.

Apabila tumpuan terhadap anak berkurangan, maka kadar keciciran semakin meningkat. Anak pada peringkat awal pembesaran memerlukan ibu-bapa sebagai orang terawal penunjuk teladan yang baik.

Menurut prinsip pendidikan Islam, perlu difahami bahawa saat kritikal dalam proses membina teras nilai murni, akhlak mulia, kasih sayang dan komunikasi mesra sebenarnya bermula dari awal kehidupan anak sehinggalah mereka mencapai usia baligh.

Oleh itu, dalam tempoh kritikal ini, ibu bapa seharusnya tidak boleh melepaskan diri dalam mendidik anak. Jika kita tidak mengambil berat, maka anak-anak akan terdedah kepada pelbagai gejala sosial yang amat membimbangkan di luar sana. Sudah semestinya kita tidak mahu anak-anak kita menjadi keliru dan tidak tahu memilih yang baik atau buruk dalam kehidupan mereka.

Menurut Prof Dr Yusuf Al-Qardawi, kesan paling menonjol akibat kelemahan kualiti keibubapaan hari ini adalah berpunca daripada terpisahnya akhlak anak yang memudahkan dan mendedahkan mereka dalam krisis gejala sosial.

Pencapaian prestasi anak dalam pelajaran sangat bergantung kepada perancangan dan penilaian bersungguh ibu bapa sendiri. Dalam hal ini ibu bapa perlu membudayakan ilmu dan akhlak dalam kehidupan seharian anak.

Ibu bapa perlu menentukan hala tuju dan tindakan yang semestinya dilaksanakan anak-anak seperti memastikan mereka menunaikan solat fardu secara konsisten, memastikan anak mempelajari dan memahami al-Quran setiap hari, memastikan mereka mendapat makanan yang halal, berzat dan memenuhi keperluan vitamin, menyemak buku latihan serta menetapkan sasaran setiap mata pelajaran anak.

Selain itu adalah digalakkan agar ibu bapa mengambil peluang untuk berjumpa dengan pihak guru secara berkala dengan mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan guru kelas sekurang-kurangnya sekali dalam setiap semester atau penggal bagi mendapat maklum balas prestasi pembelajaran dan tahap sahsiah anak ketika berada di sekolah.

Ibu bapa tidak boleh lepas tangan dan beranggapan sudah menunaikan tanggungjawab selepas menghantar anak ke sekolah. Tanggungjawab kita juga memastikan agar mereka mempunyai prinsip yang teguh dan jatidiri yang kuat.

Ibu bapa digalakkan sentiasa berdoa untuk kesejahteraan anak kerana doa ibu bapa boleh menyebabkan kehidupan anak dirahmati, diberkati dan dilindungi dari segala bencana. Walaupun ada kala berlaku ketegangan antara guru dan ibu bapa, sebagai langkah positif ibu bapa perlu memberi penghormatan besar kepada guru untuk membimbing dan mendisiplinkan pelajar mereka. Jangan mudah melenting, hilang kewarasan dan hendaklah berlapang dada apabila guru menegur atau mengambil tindakan disiplin ke atas pelajar demi kebaikan mereka.

Kita haruslah bersikap penuh yakin bahawa tindakan guru dalam mendisiplinkan pelajar tidak punya maksud lain melainkan untuk memberi pengajaran dan memulihkan akhlak anak-anak supaya menjadi insan berguna. Kepada semua guru sekalian, jadikanlah tanggungjawab sebagai amanah yang wajib ditunaikan sebaik mungkin.

Marilah bersama kita tunaikan tanggungjawab tersebut dalam membantu serta membela nasib pelajar-pelajar kita supaya dapat menghadapi sesi persekolahan dalam tahun ini dengan penuh iltizam, selesa dan sempurna.

* Penulis adalah Pensyarah Kanan di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah dan dapat dihubungi melalui solat5@yahoo.com